

# Iktiraf UEC hanya rancangan licik?



**TEO KOK SEONG**

**T**ANGGAPAN kuat berjaya dibina oleh pihak yang menyuntut pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC), seolah-olah tindakan itu didesak oleh sekalian masyarakat Cina. Dengan kata lain, UEC dipersepsikan sebagai isu besar yang sedang dihadapi oleh seluruh kaum Cina di negara ini.

Tanggapan itu, iaitu kehendak semua kaum Cina yang sangat menginginkan kerajaan mengiktirafkan UEC sebenarnya diada-adakan oleh pihak tertentu, baik pertubuhan atau parti politik tertentu. Ia sengaja diwujudkan bukan sahaja sebagai isu yang amat mengasak seluruh kaum Cina di negara ini.

Pada awal tuntutan pengiktirafan UEC, tidak dapat dinafikan kesemua kaum Cina rata-ratanya terpengaruh setelah diapi-apikan oleh puak terbabit, bahawa ketidakiktirafan UEC akan merugikan kaum Cina khususnya dalam bidang pendidikan. Ini dilakukan dalam kerangka permainan jumlah sifar, iaitu pemikiran bahawa apa-apa yang kaum Cina gagal peroleh akan menguntungkan kaum Melayu.

**DALIL**

Oleh itu, UEC sangat-sangat perlu diiktirafkan dengan apa-apa cara jua agar kaum Cina sama sekali tidak ketinggalan dalam perstangan dengan kaum Melayu. Dengan ini, banyak dalil dikemukakan agar penolakannya tidak dapat dielakkan lagi, kecuali perlu diperakui kerajaan.

Setelah isu ini berturan dan sengit diperjuangkan puak berkenaan, kaum Cina secara umumnya sudah mula menyedari pengiktirafan UEC langsung bukan isu marhaens kaum Cina.

Secara umumnya, kaum Cina yang berada sahaja mampu menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) yang merupakan institusi pendidikan swasta. Hanya sekitar 20 peratus



**Oo Hao Shern**

坦白说，可能一些人会觉得政府不承认统考的原因是因为—  
[m.facebook.com](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=3431937473536345&id=100001603771670)

[https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=3431937473536345&id=100001603771670](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=3431937473536345&id=100001603771670)

**Netizen Cina Tidak Menyokong UEC : Menulis di FB**

Tarikh: 25/7/2020

Terjemahan Pos

Sejujurnya, mungkin setengah orang berpendapat UEC tidak diiktiraf oleh kerajaan kerana masalah perkauman. Tetapi, kerajaan hanya mengiktiraf SMJK

Setengah orang pula berpendapat, UEC mempunyai standard dan kualiti yang tinggi, kenapa kerajaan tidak mahu mengiktirafnya? Isu UEC disensasikan dari dulu hingga hari ini. Standard dan kualiti UEC tidak pernah menjadi sebab UEC tidak diiktiraf.

**“ Untuk kebanyakan kaum Cina khususnya yang murba, mereka mula menyedari pengiktirafan UEC akan menjejaskan peluang anak-anak mereka yang terus menerus mengikuti sistem pendidikan negara.”**

anak Cina bersekolah di 60 SMPC yang menawarkan UEC. Yang selebihnya bersekolah di ribuan sekolah menengah kerajaan untuk mengambil Pentaksiran Tingkatan 3, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Persekolahan Tinggi Malaysia (STPM).

Sebenarnya, ibu bapa yang menghantar anak ke SMPC memang mengetahui UEC tidak diiktiraf untuk

**TANGKAP** layar satu hantaran di Facebook berhubung komen kaum Cina yang menentang UEC yang telah diterjemahkan.

kemasukan ke universiti awam dan bekerja di sektor awam di negara ini. Sehubungan itu, boleh dikatakan mereka sudah memahami kesannya dan tidak puih berharap langsung, apatah lagi memaksa agar UEC diperakui.

**MURBA**

Untuk kebanyakan kaum Cina khususnya yang murba, mereka mula menyedari pengiktirafan UEC akan menjejaskan peluang anak-anak mereka yang terus menerus mengikuti sistem pendidikan negara, dari sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) sehingga menduduki

SMPC adalah sebuah institusi pendidikan persendirian yang mempunyai blue printnya tersendiri oleh kerana perbezaan yang wujud dalam sukatan pelajarannya dan bahasa pengantarnya berbanding sekolah kerajaan menyebabkan kerajaan tidak dapat mengiktirafnya.

Di Malaysia, bukan SMPC (UEC) sahaja yang tidak diiktiraf. Kerajaan juga tidak mengiktiraf sijil peperiksaan sekolah menengah dari sesetengah sekolah antarabangsa, sekolah agama dan sekolah Arab.

Istilah "tidak diiktiraf" ini bermaksud ia tidak boleh digunakan untuk dimasukkan ke IPTA dan tidak dapat digunakan untuk permohonan pekerjaan dalam JPA, sebaliknya institusi pengajian antarabangsa, IPTS dan entiti perusahaan antarabangsa menerimanya.

Setengah orang berkeras menuduh kerajaan berat sebelah kepada kaum lain, menentang orang Cina, menyebabkan pengiktirafan UEC dari SMPC sengaja dilengah-lengahkan. Sebenarnya berbanding China dan negara lain, nasib kita orang Cina di Malaysia sebenarnya baik. Kita ada SJKC dan SMJK dan kedua-duanya adalah di bawah kerajaan.

Orang Cina di negara lain perlu membayar yuran yang mahal untuk belajar bahasa Cina di sekolah persendirian atau di luar negara. Tetapi di Malaysia, hampir semua orang Cina mempunyai peluang untuk mempelajari bahasa Cina di sekolah kerajaan dengan kos yang amat rendah. Berbanding dengan negara lain nasib orang Cina di Malaysia benar-benar lebih baik.

SPM dan STPM. Ini kerana sistem kuota masih diguna pakai, lebih-lebih lagi di universiti awam.

Terdapat suara lantang dalam kalangan kaum Cina sendiri menentang pengiktirafan UEC yang dilihat sebagai rancangan licik puak tertentu untuk memperkuatkan tuntutan mereka yang tidak pun dipersetujui oleh semua kaum Cina. Tentangan ini sebenarnya banyak diluahkan

dalam media sosial, sama ada di akhbar tertentu atau platform lain yang cepat sekali dipadamkan untuk tontonan ramai. Luahan sebegini dilakukan oleh pelbagai pihak termasuklah bekas calon UEC sendiri, selain ibu bapa yang anak-anak mereka bersekolah di institusi pendidikan kerajaan.

Tujuan sebenar puak ini menyuntut pengiktirafan UEC adalah tidak jelas. Dalam hal ini, mereka sendiri mengakui ia tidak akan pun diminati semua ibu bapa dan calon UEC sekiranya diiktiraf nanti. Sehubungan itu, ia nampaknya lebih berupa sandaran untuk puak terbabit menggunakannya pada masa mendatang jika dan apabila diperlukan bagi tujuan yang hanya diketahui mereka sendiri.

**KEMERDEKAAN**

Pengiktirafan UEC juga tidak disangkal sebagai satu cara untuk menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa rasmi negara yang tidak rasmi sifatnya, setelah usaha formal penggiat pendidikan aliran bahasa Cina gagal memperoleh taraf bahasa rasmi bersama, bersekali dengan bahasa Melayu semenjak kemerdekaan negara lagi.

Sebenarnya pengiktirafan UEC adalah perakuan tertinggi kepada taraf bahasa Mandarin dalam bidang pendidikan negara. Ini kerana ia sudah berupa bahasa ilmu dan lebih penting lagi telah menjadi sebahagian yang sah daripada sistem pendidikan negara. Dengan itu, bahasa Mandarin sudah diterima secara en bloc sebagai entiti awam, yakni diperakui di kesemua peringkat pendidikan aliran bahasa Cina di negara ini, termasuklah di SMPC yang langsung tidak pun menggunakan kurikulum kebangsaan.

UEC, dari sini apa-apa sekali pun adalah entiti swasta dalam sistem pendidikan negara.

Selagi begitu, ia tidak sesekali layak dalam apa-apa cara jua untuk diperakui sebagai entiti awam. Justeru, dapat dibuat kesimpulan sendiri sama ada UEC merupakan kebenda ikhlas semua kaum Cina atau keinginan rakus puak tertentu sahaja.

PROFESOR Datuk Dr. Teo Kok Seong adalah Felo di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Majlis Profesor Negara